

# Vape dan shisha masuk dalam Akta Tembakau

*Akta baharu ini akan dibentangkan dalam waktu terdekat*

**SERI ISKANDAR**

KEMENTERIAN Kesihatan (KKM) akan menggubal satu akta baharu bagi mengawal selia penggunaan tembakau, vape, rokok elektronik dan shisha.


Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, akta yang dinamakan Akta Tembakau itu dijangka dapat menangani permasalahan itu secara keseluruhan.

"Kita di kementerian sedang merangka Akta Tembakau yang akan menggarap secara keseluruhan permasalahan itu yang sekarang ini agak terhad dan akan dibentangkan dalam waktu terdekat.

"Pada saat ini ia dalam pemerhatian Penasihat Undang-Undang (PUU) KKM dan bakal dimajukan ke kamar peguam negara dalam waktu terdekat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis Konvensyen Communication For Behavioral Impact (COMBI) sempena Hari Denggi ASEAN dan Anugerah Institusi Pengajaran Tinggi (IPT) Bebas Denggi peringkat kebangsaan di sini semalam.

Dalam pada itu, ditanya sama ada gula-gula Ghost Smoke (Cool Fruit Powder) akan dimasukkan di bawah akta tersebut, Dzulkefly berkata, produk berkenaan masih dalam siasatan.

"Produk tersebut dalam pe-



DR DZULKEFLY

merhatian dan dalam waktu terdekat kami akan buat penjelasan atas perkara tersebut.

"Kita telah buat siasatan dan ujian sampel telah kita ambil. Mungkin minggu depan kita akan dapat jelaskan posisi pendirian KKM, buat masa ini belum dapat dijelaskan dengan tuntas," katanya.

Sementara itu, menjawab kepada gesaan Naib Pengurus Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye supaya tindakan tegas dan bersepudu perlu diambil bagi mengatasi isu penularan gejala menghisap vape dan rokok elektronik dalam kalangan pela-

jar, beliau berkata, jawatankuasa khas yang ditubuhkan kementeriannya akan memastikan agar isu itu diatasi.

"Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye yang mengetuai jawatankuasa khas ini sedang melihat kepada persoalan mengenai vape, shisha yang melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), FCTC (Rangka Kerja Kawalan Tembakau) dan farmasi KKM bertanggungjawab melihat produk-produk tembakau yang mengandungi nikotin.

"Kita perlu kepada penguatan kuasa bersama dan kita mahu produk ini tidak akan dapat capaian kepada pelajar sekolah iaitu di bawah 18 tahun dan saya harapkan dalam waktu terdekat kita akan keluarkan kenyataan susulan mengenai perkara ini," katanya. - Bernama